



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
SEMINAR PENGUKUHAN DAN KEMAMPAHAN KOMUNITI
PERTANIAN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

**28 JULAI 2026 | SELASA
VILLEA MORIB, BANTING, SELANGOR**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun bagi menjayakan Seminar Pengukuhan dan Kemampanan Komuniti Pertanian Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Bahagian Pertanian Bandar atas usaha gigih serta komitmen tinggi dalam menjayakan seminar ini. Penghargaan juga ditujukan kepada seluruh peserta yang hadir daripada pelbagai latar belakang komuniti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Kita sedia maklum bahawa dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran geopolitik dan iklim sosioekonomi yang kompleks. Cabaran ini memberi kesan secara langsung kepada sektor agromakanan negara. Antaranya termasuklah peningkatan kos sara hidup, ketidaktentuan rantai bekalan global, ancaman perubahan iklim, serta keterbatasan kawasan fizikal di zon perbandaran.

4. Dalam mendepani cabaran ini, pertanian bandar dan kebuniti tidak lagi boleh diletakkan sekadar hobi harian. Sebaliknya, kita perlu melaksanakan pendekatan strategik yang menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara, kesejahteraan sosial serta pemeliharaan ekosistem perbandaran.
5. Justeru, Jabatan Pertanian terus komited memperkukuh agenda ini menerusi Program Pengukuhan dan Kemampanan Komuniti Pertanian iaitu satu inisiatif holistik untuk membina komuniti bandar yang lebih mampan, inklusif dan berdaya saing. Sekiranya berlaku sebarang gangguan bekalan makanan dari luar, kebuniti bandar inilah yang akan menjadi benteng barisan hadapan (*buffer supply*) dalam menyokong keperluan makanan warga kota.

Hadirin sekalian,

6. Di peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, pelaburan dalam program pertanian bandar dirangka berasaskan visi makro yang komprehensif. Sejak Program Pertanian Bandar diperkenalkan pada tahun 2014 di bawah

RMKe-10 hingga kini, Kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah menyalurkan peruntukan keseluruhan mencecah RM114,247,200.00. Langkah ini terbukti berkesan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

7. Hasil daripada pelaburan strategik ini, lebih 45,076 kebun telah menerima faedah serta khidmat nasihat Jabatan Pertanian, yang secara keseluruhannya memberi manfaat secara langsung kepada 251,510 orang peserta di seluruh negara.
8. Memasuki fasa RMKe-13, Jabatan Pertanian terus diberi kepercayaan dengan menerima siling peruntukan sebanyak RM30 juta yang disasarkan untuk memberi manfaat kepada 13,700 orang di 1,370 lokasi. Sebagai langkah penambahbaikan berimpak tinggi, sebanyak 60 projek sedia ada di seluruh negara disasarkan di bawah Projek Naik Taraf. Melalui pendekatan ini, kita mahu memacu kebun komuniti sedia ada yang berdaya maju ke arah entiti komersial yang lebih berdaya saing, menerusi penghasilan produk nilai tambah serta pemeriksaan segmen agro-pelancongan bandar.

9. Usaha ini sejajar dengan sokongan negara terhadap Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs), terutamanya dalam aspek pembasmian kemiskinan, keterjaminan makanan, pembangunan bandar mampan, tindakan iklim serta perkongsian strategik pelbagai pihak.

Sidang hadirin yang dihormati,

10. Bagi memastikan visi nasional ini dapat direalisasikan, Jabatan Pertanian menumpukan kepada tiga (3) skop pelaksanaan utama:

- **Pertama:** Pembangunan dan pengukuhan projek pertanian komuniti menerusi penyediaan kemudahan serta input pertanian secara sistematik;
- **Kedua:** Pembangunan kapasiti, pemindahan teknologi moden, pendigitalan serta strategi pemasaran hasil seperti yang ditekankan dalam objektif seminar hari ini; dan
- **Ketiga:** Penilaian dan pemantauan berterusan bagi memastikan setiap projek yang dibangunkan kekal

berdaya saing serta berkesan untuk jangka panjang (*sustainability*).

11. Pendekatan ini memerlukan penglibatan inklusif segenap lapisan masyarakat. Pertanian hari ini bukan lagi milik petani di desa semata-mata, sebaliknya menjadi tanggungjawab bersama warga bandar, daripada golongan belia, institusi pendidikan, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), agensi kerajaan, hinggalah ke sektor swasta.

Hadirin sekalian,

12. Saya sangat optimis bahawa masa depan pertanian bandar bergantung kepada kekuatan komunitinya. Apabila komuniti memiliki ilmu, kemahiran, teknologi dan semangat kebersamaan yang tinggi, pertanian bandar akan menjadi pemangkin utama kepada pembentukan persekitaran bandar yang hijau, sihat dan sejahtera.
13. Justeru, penganjuran seminar ini merupakan platform terbaik untuk para peserta memperkaya pengetahuan berkenaan teknik pengeluaran tanaman moden, pengurusan kebun yang

cekap, kemahiran pemasaran digital, serta pembentukan jaringan kerjasama (*networking*).

14. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada para peserta dan warga kerja Bahagian Pertanian Bandar yang bertungkus-lumus menjayakan seminar ini. Semoga segala ilmu, pengalaman dan jaringan yang terjalin sepanjang seminar ini dapat diterjemahkan kepada tindakan nyata demi kemakmuran komuniti khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
15. Di kesempatan ini juga, saya ingin menjemput tuan-tuan dan puan-puan untuk hadir bagi memeriahkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang akan diadakan pada 28 Ogos hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang.
16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pengukuhan dan Kemampanan Komuniti Pertanian Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.